

Keberkesanan Dakwah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) Menurut *Maqasid Syariah* di Perkampungan Orang Asli Batu 12 Gombak, Selangor

Famida Naimi binti Hasbolah, Abdul Ghafar bin Don

Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia.
43600, UKM Bangi Campus, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
E-mail : famida_1612@yahoo.com; a.g.don@ukm.edu.my

Abstrak – Pengamalan gaya hidup yang berlandaskan *Maqasid Syariah* bertujuan membina komuniti Asli yang beriman dan sejahtera. Namun masih terdapat golongan masyarakat Orang Asli yang telah memeluk Islam masih belum mengamalkan ajaran Islam sepenuhnya dalam kehidupan seharian mereka. *Maqasid Syariah* yang dharuri mempunyai lima aspek iaitu memelihara agama (*hifz al-din*), jiwa (*hifz al-nafs*), akal (*hifz al-'aql*), keturunan (*hifz al-nasb*) dan harta (*hifz al-mal*). Kajian ini bertujuan mengetahui keberkesanan agensi dakwah kerajaan, iaitu JAKIM terhadap masyarakat Asli berdasarkan prinsip *Maqasid Syariah*. Reka bentuk yang digunakan ialah kajian tinjauan dengan mengedarkan soal selidik kepada 120 masyarakat Orang Asli yang telah memeluk agama Islam di perkampungan Orang Asli Batu 12, Gombak. Penganalisan data pula adalah secara deskriptif. Hasil kajian menunjukkan keberkesanan aktiviti dan pendekatan dakwah yang dilaksanakan oleh JAKIM terhadap pengamalan gaya hidup Islam yang diaplikasikan dalam kehidupan masyarakat Orang Asli yang telah memeluk Islam pada nilai purata $\min = 3.22$.

Kata kunci: Dakwah, JAKIM, Masyarakat Orang Asli, *Maqasid Syariah*.

I. Pendahuluan

Masyarakat Orang Asli merupakan kaum minoriti di dan dianggap kaum yang terawal berada di Malaysia. Istilah Orang Asli merujuk kepada 'Orang' yang bermaksud 'People' dan 'Asli' berasal daripada bahasa Arab 'Asall' yang bermaksud 'Original', 'well-born' atau 'aristocratic' (Iskandar Carey, 1976). Mereka terbahagi kepada tiga kelompok iaitu senoi, Negrito dan Melayu-Proto yang mempunyai 18 suku kaum. Menurut Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) jumlah Orang Asli di Malaysia pada tahun 2010 ialah sebanyak 178,197 orang. Namun, masyarakat Orang Asli di Malaysia yang menganut agama Islam masih rendah manakala yang telah Islam pula tahap penghayatan Islam mereka masih di peringkat yang lemah. Islam adalah agama yang mementingkan kesejahteraan selaras dengan Islam itu sendiri yang bermaksud sejahtera. Kelima-lima komponen *Maqasid Syariah* ternyata dapat menjamin kesejahteraan diri masyarakat Orang Asli dari segi jasmani dan rohani serta selanjutnya dapat meningkatkan kemajuan dalam kehidupan seharian mereka terutamanya bagi mereka yang benar-benar mentauhidkan Allah. Secara umumnya *Maqasid Syariah* adalah ketetapan yang baik dari Allah iaitu menjana kebaikan dan menolak kemudharatan.

II. Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif bagi menjawab objektif yang dibincangkan. Kajian tinjauan (*survey*) juga telah digunakan dengan mengedarkan borang soal selidik kepada 120 orang masyarakat Orang Asli yang telah memeluk Islam di Perkampungan Asli Batu 12 Gombak-Selangor, Malaysia. Persampelan bertujuan

digunakan dalam kajian ini. Penganalisan data menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) Version 23.0*. Skala likert empat mata iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, setuju dan sangat setuju digunakan dalam soal selidik ini. Kaedah temu bual juga digunakan sebagai kaedah sampingan.

III. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

Islam merupakan agama Islam yang termaktub di dalam Perlembagaan persekutuan dalam perkara 3(1) yang menyatakan bahawa "Islam adalah agama bagi Persekutuan, tetapi agama-agaman lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan". Penubuhan JAKIM bermula dengan Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Islam Malaysia (MKI) pada tahun 1968 yang mana penubuhannya telah dipersetujui oleh Majlis Raja-raja di Malaysia. Pada tahun 1974 pula, Urus Setia MKI telah dinaikkan tarafnya kepada sebuah Bahagian Agama di Jabatan Perdana Menteri dan diberi nama Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS). Selaras dengan perkembangan negara dan keperluan masyarakat Islam semasa, bahagian hal Ehwal Islam (BAHEIS) telah disusun semula. Maka pada 2 Oktober 1996, Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju dengan perakuan supaya BAHEIS, Jabatan Perdana Menteri dinaikkan taraf menjadi sebuah Jabatan berkuatuksa 1 Januari 1997 dengan nama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Penubuhan JAKIM sebagai salah satu platform di dalam memenuhi keperluan masyarakat Islam seiring dengan perkembangan dan pembangunan negara yang menjadikan Islam sebagai agama rasmi (JAKIM, 2016)

Transformasi yang dibentuk oleh JAKIM seiring dengan visi, moto, objektif dan fungsi jabatan ini sebagai peneraju dalam membina ketamadunan ummah yang unggul. Bagi memantapkan pengurusan dan menghasilkan gerak kerja yang lebih efisien, JAKIM dibahagikan kepada empat sektor utama iaitu Sektor Dasar, Sektor Pembangunan Insan, Sektor Pengurusan dan Sektor di Bawah Pejabat Ketua Pengarah. Sektor-sektor ini telah membentuk 22 bahagian dan kesemuanya yang bernaung di bawah JAKIM berbanding penubuhan awalnya hanya mempunyai 14 bahagian. JAKIM (2016), Jabatan Perdana Menteri akan berperanan sebagai agensi pusat dalam perancangan pengurusan Hal Ehwal Islam dan pembangunan ummah dengan fungsi-fungsi seperti berikut:

- 1) Bertanggungjawab seperti perancang yang menentukan pembangunan dan kemajuan Hal Ehwal Islam di negara ini.
- 2) Merangka dasar bagi pembangunan Hal Ehwal Islam di negara ini dan menjaga kesucian akidah dan ajaran Islam.
- 3) Membantu menggubal dan menyeragam undang-undang dan peraturan yang diperlukan serta menilai dan menyelaraskan pelaksanaan undang-undang dan pentadbiran yang sedia ada dari masa ke semasa dalam usaha untuk menyelesaikan masalah-masalah umat Islam.
- 4) Melaksanakan program-program pembangunan ummah dan penghayatan Islam dalam pengurusan negara.
- 5) Menyelaraskan mekanisma penguatkuasaan undang-undang serta peraturan-peraturan pentadbiran Hal Ehwal Islam di seluruh negara.
- 6) Membuat penilaian program-program Hal Ehwal Islam yang dilaksanakan di negara ini.
- 7) Bertindak sebagai pengumpul, penyebar dan pusat rujukan maklumat mengenai hal ehwal Islam.
- 8) Melaksanakan usaha-usaha pembangunan ummah melalui kerjasama di peringkat serantau dan antarabangsa..

IV. Bahagian Dakwah JAKIM

Menurut JAKIM (2016), Bahagian Dakwah telah ditubuhkan pada 1 Januari 1997. Dahulunya Institut Dakwah dan Latihan Islam (INDAH), Bahagian Agama Jabatan Perdana Menteri. INDAH ditubuhkan pada bulan Rabiul awwal 1394 pada bulan April 1974. Penubuhannya adalah bagi memenuhi hasrat dan cita-cita umat Islam di negara ini yang ingin melihat wujudnya sebuah Institut Dakwah yang bertanggungjawab melaksanakan kegiatan dakwah di peringkat pusat. INDAH ditubuhkan hasil dari keputusan persidangan Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia kali ke 6 pada 16 Disember 1971 yang dipengerusikan oleh Y.A.B Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia ke 2. Cadangan bagi penubuhan Institut Dakwah ini telah disuarakan oleh beliau ketika merasmikan Kursus latihan Pegawai-pegawai Agama dan Mubaligh di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) Petaling Jaya.

Penubuhan Institut Dakwah bermula dengan pelantikan pengarah pada April 1974 dan tiga orang penolongnya pada bulan Jun 1974. Pada asas penubuhannya adalah untuk menghayati konsep dakwah Islamiah yang menjadikan Islam sebagai Ad-Din dan mendukung cita-cita dakwah bagi mencapai rahmat Allah di dunia dan keredhaannya di akhirat. Menghadapi cabaran Wawasan 2020, INDAH kini telah memasuki fasa ke-2 dalam pelaksanaan program dengan menumpukan kepada aspek penghayatan dan pelaksanaan Islam oleh agensi kerajaan, swasta dan masyarakat di samping meneruskan program pengenalan dan kefahaman Islam. Selaras dengan pembesaran fungsi BAHEIS kepada JAKIM yang bermula pada 1 Januari 1997, maka INDAH turut bertukar daripada cawangan kepada bahagian Dakwah, manakala Unit Kursus dan Latihan yang dahuinya di bawah Cawangan dakwah telah diperbesarkan fungsinya menjadi Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) dan Bahagian Latihan. Pada masa kini Bahagian Dakwah mempunyai 3 cawangan iaitu Cawangan Pengembangan, Dakwah Khas, Inovasi dan Ketamadunan.

Visi bahagian Dakwah ialah berperanan sebagai salah sebuah bahagian di JAKIM yang menguruskan hal ehwal dakwah bagi melahirkan ummah sejahtera berteraskan ajaran Islam. Misi ialah menguruskan Hal Ehwal Islam secara efisien untuk kesejahteraan ummah. Seterusnya objektif adalah untuk menyebarkan dan memantapkan ajaran Islam kepada masyarakat Islam dari segi akidah, syariah dan akhlak. Manakala fungsinya untuk merancang, menyelaraskan dan memantau program dakwah di Malaysia.

V. Demografi Masyarakat Orang Asli di Kampung Batu 12, Gombak

Perkampungan Orang Asli Batu 12 terletak di Gombak, Selangor. Bandar terdekat ialah Taman Sri Gombak dan Kuala Lumpur serta berjiran dengan Perkampungan Orang Asli Batu 16. Keseluruhan penduduk di sini ialah seramai 1287 orang. Menurut Mohd Khairunizam (Temu bual 15 Februari 2017) pada tahun 2015 jumlah kanak-kanak yang telah memeluk Islam adalah seramai 99 orang manakala yang tidak Islam seramai 101 orang. Masyarakat Orang Asli yang telah memeluk Islam berjumlah 447 orang dan bertambah 16 orang pada tahun 2016. Pada tahun 2017 setakat ini tiada lagi pertambahan masyarakat Orang Asli yang memeluk Islam.

Menurut Husin Ngah Yin (Temu bual 15 Februari 2017) kebiasannya, ketua setiap perkampungan Orang Asli dikenali sebagai 'Tok Batin' akan tetapi disini digelar sebagai penghulu. Penghulu yang bernama Husin Ngah Yin juga merupakan pengasas muallaf bagi masyarakat Orang Asli. Beliau telah memeluk Islam selama 9 tahun atas kehendak sendiri melalui hidayah yang diperolehnya.

Penggerak Masyarakat Orang Asli JAKIM ialah Encik Mohd Khairunizam bin Abd. Aziz yang ditugaskan untuk menggerakkan kerja-kerja dakwah terhadap masyarakat Orang Asli. Beliau juga bekerjasama dengan JAKOA dan Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) bagi memastikan program-program atau pendekatan berjalan dengan lancar. Beliau telah berkhidmat selama 3 tahun di sini. Persekitaran di sini kelihatan moden dengan terdapat pelbagai prasarana. Antaranya ialah surau, dewan orang ramai, sekolah agama, padang. Hospital Orang Asli Gombak dan muzium Orang Asli juga kelihatan pada permulaan masuk ke kawasan Perkampungan Orang Asli Batu 12. Jadual tersebut menunjukkan demografi masyarakat Orang Asli :

Jadual 1: Jantina

BIL		KEKERAPAN	PERATUS (%)
1	Lelaki	42	35.0
2	Perempuan	78	65.0
	Jumlah	120	100.0

Jadual 2: Umur

BIL		KEKERAPAN	PERATUS (%)
1	15-20	20	16.7
2	21-30	40	33.3
3	31-40	30	25.0
4	41-50	30	25.0
	Jumlah	120	100.0

Jadual 3: Kelayakan Akademik

BIL		KEKERAPAN	PERATUS (%)
1	UPSR	29	24.2
2	PMR	20	16.7
3	SPM	32	26.7
4	Diploma/Ijazah	6	5.0
5	Tidak Bersekolah	33	27.5
	Jumlah	120	100.0

Jadual 4: Taraf Perkahwinan

BIL		KEKERAPAN	PERATUS (%)
1	Bujang	37	30.8
2	Berkahwin	74	61.7
3	Duda	2	1.7
4	Ibu Tunggal	7	5.8
	Jumlah	120	100.0

Jadual 5: Suku Kaum

BIL		KEKERAPAN	PERATUS (%)
1	Temuan	15	12.5
2	Mah Meri	13	10.8
3	Temiar	52	43.3
4	Jakun	3	2.5
5	Semai	35	29.2
6	Lain-lain	2	1.7
	Jumlah	120	100.0

Jadual 6: Pekerjaan

BIL		KEKERAPAN	PERATUS (%)
1	Kerajaan	14	11.7
2	Kampung/Hutan	19	15.8
3	Berniaga	12	10.0
4	Tidak Bekerja	70	58.3
5	Lain-lain	5	4.2
	Jumlah	120	100.0

Jadual 7: Faktor Dorongan Memeluk Islam

BIL		KEKERAPAN	PERATUS(%)
1	Penggerak Masyarakat JAKIM	16	13.3
2	Keluarga	25	20.8
3	Rakan-rakan	19	15.8
4	Diri Sendiri	60	50.0
	Jumlah	120	100.0

Jadual 8: Tempoh Memeluk Islam

BIL		KEKERAPAN	PERATUS (%)
1	0-2 tahun	26	21.7
2	2-4 tahun	18	15.0
3	4-6 tahun	23	19.2
4	6 tahun ke atas	53	44.2
	Jumlah	120	100.0

Sumber: Soal Selidik 2017

Berdasarkan jadual 1 di atas responden yang paling ramai menjawab soal selidik ialah perempuan iaitu sebanyak 78 orang dengan kadar peratus (65%). Di sini dapat dilihat bahawa golongan perempuan lebih ramai yang memeluk Islam berbanding lelaki. Kadar umur yang paling ramai memeluk Islam pula ialah 21-30 tahun sebanyak 40 orang dengan kadar peratus (33.3%). Tahap umur ini merupakan terdapatnya golongan remaja dan peringkat awal dewasa telah menganut Islam. Dari segi kelayakan akademik golongan yang tidak bersekolah adalah paling tinggi iaitu sebanyak 33 orang dengan kadar peratus (27.5%). Hal ini kerana mereka masih kurang kesedaran bahawa pendidikan formal juga sangat penting dalam kehidupan. Taraf perkahwinan pula yang mencatatkan jumlah tertinggi ialah status telah berkahwin sebanyak 74 orang dengan kadar peratus (61.7%). Golongan yang telah berkahwin biasanya akan mengajak ahli keluarga bersama-sama menganut agama yang sama dan seterusnya akan meningkatkan jumlah masyarakat Orang Asli memeluk Islam dalam sesebuah keluarga.

Masyarakat Orang Asli di Batu 12 terdapat pelbagai suku kaum yang berbeza-beza. Namun suku kaum Temiar adalah majoriti di sini dengan jumlah 52 orang dengan kadar peratus (43.3%). 2 orang yang terdiri daripada lain-lain suku kaum yang terdapat di sini Che Wong dan Baba Nyonya. Dari segi pekerjaan pula golongan yang tidak bekerja mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 70 orang dengan kadar peratus (58.3%) manakala 5 orang yang terdiri daripada item lain-lain adalah mereka yang bekerja di sektor swasta dan bekerja sendiri. Seterusnya jumlah tertinggi bagi siapa yang menggerakkan hati memeluk Islam ialah diri sendiri iaitu sebanyak 60 orang dengan kadar peratus (60.0%). Ia merupakan kerelaan hati dan merupakan hidayah terus menuju kepada seseorang individu itu sendiri tanpa sebarang paksaan daripada mana-mana pihak. Manakala jumlah tertinggi sudah berapa tahun memeluk Islam ialah lingkungan tempoh 6 tahun ke atas sebanyak 53 orang dengan kadar peratus (44.2%). Ini membuktikan bahawa mereka telah lama memeluk Islam dan dengan tempoh ini wajar mereka telah mendalami ajaran Islam dan mengaplikasikannya dalam kehidupan.

VI. Hasil Kajian

Data yang dianalisis adalah berdasarkan analisis statistik deskriptif iaitu kekerapan, peratus dan min. Penganalisisan adalah untuk menilai keberkesanan pihak JAKIM menurut Maqasid Syariah terhadap masyarakat Orang Asli yang telah memeluk Islam. Terdapat tiga tahap kategori dalam interpretasi skor min seperti yang dibentuk pada jadual di bawah.

Jadual 9 Jadual nilai min mengikut skor dan interpretasi

Skor Min	Interpretasi
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana
3.01-4.00	Tinggi

Sumber: Fauziah et al. 2012

Jadual 10 Peratusan dan Min Keberkesanan Dakwah JAKIM menurut Maqasid Syariah

Bil	Keberkesanan dakwah JAKIM menurut Maqasid Syariah	Peratus (%)				Min
		STS	TS	S	SS	
1	Saya lebih memahami dan menghayati ajaran Islam setelah kehadiran pihak JAKIM	1 0.8	1 0.8	84 70.0	34 28.3	3.26
2	Saya menunaikan solat 5 waktu sehari semalam	0 0.0	11 9.2	91 75.8	18 15.0	3.06
3	Saya lebih mengetahui rukun-rukun solat dengan tertib	1 0.8	6 5.0	97 80.8	16 13.3	3.07
4	Saya telah lancar membaca surah al-Fatihah	0 0.0	5 4.2	90 75.0	25 20.8	3.17
5	Saya boleh faham erti dua kalimah syahadah	0 0.0	4 3.3	85 70.8	31 25.8	3.23
6	Saya tahu dan percaya pada hari kiamat	1 0.8	2 1.7	86 71.7	31 25.8	3.23
7	Saya memahami tentang umrah dan haji	0 0.0	21 17.5	68 56.7	31 25.8	3.08
8	Saya sering menziarahi dan bertegur sapa antara jiran tetangga	1 0.8	4 3.3	78 65.0	37 30.8	3.26
9	Saya mempunyai hubungan yang baik dengan jiran tetangga	0 0.0	8 6.7	78 65.0	34 28.3	3.22
10	Saya memberi salam apabila bertemu saudara sesama Islam	0 0.0	3 2.5	86 71.7	31 25.8	3.23
11	Saya boleh membezakan antara halal dengan yang haram	0 0.0	2 1.7	80 66.7	38 31.7	3.30
12	Saya makan makanan yang halal	0 0.0	1 0.8	90 75.0	29 24.2	3.23
13	Saya berpuasa penuh di bulan Ramadan	0 0.0	13 10.8	82 68.3	25 20.8	3.10
14	Saya lebih faham tentang kepentingan penjagaan dari sudut fizikal dan rohani seperti menjaga kebersihan	1 0.8	1 0.8	83 69.2	35 29.2	3.27
15	Saya mencari rezeki dari sumber yang halal	0 0.0	2 1.7	85 70.8	33 27.5	3.26
16	Saya tidak mengambil hak orang lain	0 0.0	3 2.5	83 69.2	34 28.3	3.26
17	Saya memahami tentang zakat	0 0.0	4 3.3	85 70.8	31 25.8	3.23
18	Saya mengambil berat tentang pendidikan formal	1 0.8	4 3.3	86 71.7	29 24.2	3.20
19	Pendidikan rohani sangat penting dalam membina akhlak dan keperibadian	0 0.0	3 2.5	79 65.8	38 31.7	3.29
20	Saya menasihati generasi muda supaya menjauhi arak dan dadah	0 0.0	5 4.2	80 66.7	35 29.2	3.25

21	Saya mengikuti kelas keagamaan seperti kelas fardu ain	0 0.0	2 1.7	80 66.7	38 31.7	3.30
22	Hubungan saya dengan pihak JAKIM semakin baik dan mesra	0 0.0	2 1.7	83 69.2	35 29.2	3.28

Sumber : Soal selidik 2017

Berdasarkan jadual 1 di atas merupakan taburan peratusan dan min keberkesanan dakwah JAKIM menurut Maqasid Syariah. Item yang mempunyai nilai min tertinggi merupakan 'saya boleh membezakan antara halal dengan yang haram' dan 'saya mengikuti kelas keagamaan seperti kelas fardu ain', dengan nilai min = 3.30.

Item-item tersebut menunjukkan nilai min tertinggi kerana masyarakat Orang Asli sedar betapa pentingnya mendalami ilmu agama melalui kelas fardu ain yang dikendalikan oleh penggerak JAKIM. Menurut WA Amir Dzal (2009), masyarakat Orang Asli turut melihat bahawa mereka sepatutnya mengubah gaya hidup mereka yang telah diwarisi kerana gaya hidup masa hadapan menuntut dan kemahiran yang jauh berbeza. Melalui kelas keagamaan mereka dapat mengaplikasikan cara hidup Islam berdasarkan Maqasid Syariah. Bagi orang-orang yang beriman pula, setelah mereka diperuatkan dengan akidah, mereka dijelaskan pula dengan hukum-hukum syarak seperti sistem ibadah, muamalah dan halal haram dalam persoalan makanan, pakaian, minuman (Wahbah al-Zuhaili, 2004). Oleh hal yang demikian mereka dapat melakukan apa dibenarkan oleh Islam seperti berjual beli dan mengelakkan apa yang diharamkan seperti riba'. Manakala item yang kedua tertinggi ialah 'pendidikan rohani sangat penting dalam membina akhlak dan keperibadian', dengan nilai min = 3.28. Pendidikan dari segi akademik sangat penting untuk menilai kebijaksanaan individu. Namun kebijaksanaan bukan elemen yang penting jika tiada nilai-nilai murni dalam diri. Dasar-dasar akhlak yang baik mengandungi dua dasar iaitu akhlak yang baik dan bersesuaian antara perkataan dan perbuatan (Abdul karim zaidan, 2009). Akhlak yang baik bermula dari raja segala anggota iaitu hati. Hati yang bersih mampu menzahirkan akhlak dan keperibadian yang baik seperti sikap tolong menolong dan beramah mesra sesama jiran tetangga serta bercakap menggunakan bahasa yang sopan. Keperibadian yang baik dapat mencipta suasana yang harmoni dan sejahtera dalam kalangan masyarakat Orang Asli walaupun terdapat pelbagai etnik di kawasan ini.

Selain itu, nilai min yang terendah berdasarkan jadual 1 ialah 'saya menunaikan solat 5 waktu sehari semalam', dengan nilai min = 3.06. Melalui item tersebut dapat dilihat bahawa masih terdapat responden yang tidak menunaikan solat langsung mahupun hanya solat secara kadang-kadang. Rata-rata mereka tidak menunaikan solat dan hanya akan dilaksanakan ketika mempunyai upacara rasmi atau program yang dilaksanakan di perkampungan Orang Asli seperti sambutan Maulidur rasul, Maal Hijrah, program korban dan sebagainya (Abdul Ghafar, 2014). Solat merupakan penghubung antara manusia dengan Allah yang dapat mengawal segala tingkahlaku serta menyekat manusia daripada melakukan kejahatan. Ia wajib ditunaikan dalam apa jua keadaan sehingga akhir hayat. Peranan pihak JAKIM sebagai pendorong dan pembimbing bagi mereka agar berterusan untuk melakukan solat 5 waktu sehari semalam adalah sangat diperlukan.

Seterusnya nilai min kedua tertinggi ialah item 'saya lebih mengetahui rukun-rukun solat dengan tertib' dengan nilai min = 3.07. Berdasarkan item tersebut solat yang dilakukan bukanlah dengan cara tersendiri akan tetapi Islam telah mempunyai garis panduan yang telah ditetapkan. Menurut Mohd Khairunizam (Temu bual, 15 Februari 2017) kelas fardu ain yang diadakan seminggu setiap hari telah mendedahkan kepada masyarakat Orang Asli tentang cara-cara solat yang betul melalui amali solat. Dari sini mereka telah mendapat dakwah secara bersemuka daripada penggerak JAKIM dan boleh terus bertanya tentang sesuatu perkara yang tidak pasti. Pihak penggerak JAKIM juga boleh nampak cara yang dilakukan oleh mereka dan segera dapat memperbaiki jika terdapat kesalahan dalam amali solat tersebut. Menurut Sheikh Abdul Halim (2011), dakwah fardiyyah mencipta hubungan langsung antara pendakwah dengan sasaran dakwah. Oleh itu penggerak JAKIM akan lebih mengenali masyarakat Orang Asli dengan lebih mendalam serta dapat mengetahui kemampuan dan kebolehan yang ada pada mereka. Oleh hal yang demikian gerak kerja dakwah lebih mudah dilaksanakan dan mudah diterima. Di samping itu, masyarakat Orang Asli dapat mengeratkan hubungan yang lebih dekat dengan penggerak JAKIM dan seterusnya akan merasa yakin pada dakwah yang disampaikan. Menurut Sohirin (2008) manusia terdapat pelbagai budaya dan cara hidup. Para pendakwah harus melakukan persiapan dengan mengenal pasti cara hidup sasaran dakwah supaya dapat berinteraksi dengan lebih baik dan berhati-hati tanpa melanggar pantang larang mereka. Pendakwah dilarang membeza-bezakan sesama sasaran dakwah sama ada yang muslim mahupun bukan muslim.

VII. Kesimpulan

Hasil kajian mendapati bahawa masyarakat Orang Asli di Batu 12, Gombak sebenarnya telah membuka minda dalam menerima ajaran Islam. Mereka juga telah mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan seperti yang diajarkan oleh Islam. Namun, masih juga terdapat segelintir daripada mereka yang masih belum benar-benar mengamalkan ajaran Islam. Dalam hal ini usaha daripada pelbagai pihak amat diperlukan bagi membantu mereka mendalami ajaran Islam. Justeru, cadangan bagi kajian ini para pendakwah dapat merancang strategi yang lebih sistematik supaya masyarakat Orang Asli bukan sahaja mempunyai pengetahuan tentang ajaran Islam akan tetapi mengaplikasikannya dalam

kehidupan seharian. Hasil kajian mungkin akan memberi penambahbaikan agar matlamat menjadikan masyarakat Orang Asli sebagai seorang Muslim sejati yang mengamalkan kehidupan berlandaskan Maqasid Syariah semakin berkembang di Malaysia.

Rujukan

1. Abdul Ghafar Don. 2014. *Da'wah & Ethnicity : Multidisciplinary Perspective*. Program Kolokium Islam Pahang Meraikan Ilmu, 17-19 Mac.
2. Abdul Karim Zaidan. 2009. *Dasar-dasar Ilmu Da'wah*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
3. Fauziah Ibrahim, Bahaman Abu Samah et.al. 2012. *Penagihan Dadah dan Keadaan Berisiko Tinggi Kembali Relaps*. Journal Science and Humanities. Volume 7 no 1. 38-49
4. Husin Ngah Yin. 2017. *Kisah Pengislaman dan Sejarah Perkampungan Orang Asli Batu 12 Gombak*. Temubual, 15 Februari.
5. Iskandar Carey. 1976. *Orang Asli the Aboriginal tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford University.
6. JAKIM. 2016. *Bahagian Dakwah JAKIM*. Diakses daripada <http://www.islam.gov.my> (19 November 2016).
7. JAKIM. 2016. *Sejarah Penubuhan JAKIM*. Diakses daripada <http://www.islam.gov.my> (19 November 2016).
8. JAKOA. 2015. *Maklumat Orang Asli*. Diakses daripada <http://www.jakoa.gov.my/orang-asli/maklumat-orang-asli> (19 November 2016).
9. Mohd Khairunizam Abdul Aziz. 2017. *Keberkesanan dakwah JAKIM di Batu 12, Gombak*. Temu bual, 15 Februari.
10. Sheikh Abdul Halim al-Kinani. 2011. *Dakwah Fardiyyah-Teori dan Praktikal*. Kuala Lumpur: Jundi Resources.
11. Sohirin M.Solihin. 2008. *Islamic Da'wah Theory and Practice*. International Islamic University Malaysia: IIUM Press.
12. W.A Amir Dzal. 2009. *Nilai Belia Orang Asli Selangor terhadap teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)*. Journal of Capital Human Development .Julai-Disember 2009 .vol 2 no 2.
13. Wahbah al-Zuhaili. 2004. *Kewajipan Memahamkan Bukan Islam tentang Islam*. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.